



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

JUMAAT, 16 APRIL 2021

1	Isu ketirisan daging import luar bidang kuasa DVS
2	Penternak, kreativiti dan kawalan harga
3	Kena marah naik harga ayam
4	Pengguna tinjau sebelum beli
5	Ditahan bersama 395 kotak daging sejuk beku
6	'Memang beri kesan, tapi harga masih kekal'
7	Penang to loot frozen meat

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16.04.2021	SINAR HARIAN	NASIONAL	11

Isu ketirisan daging import luar bidang kuasa DVS

PUTRAJAYA - Pengimportan atau memasukkan daging dari sumber negara dan rumah sembelih yang tidak diiktiraf, sama ada menerusi penyeludupan atau ketirisan di pintu masuk negara, adalah di luar bidang kuasa Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS).

DVS dalam satu kenyataan pada Khamis menjelaskan, agensi itu hanya bertanggungjawab dalam menjalankan audit pemeriksaan rumah sembelih luar negara untuk tujuan kelulusan eksport ke Malaysia mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

Penjelasan DVS itu susulan laporan sebuah akhbar tempatan yang mendakwa kerajaan perlu memastikan tiga agensi yang mengawal selia urusan pengimportan daging bebas sepenuhnya daripada 'musuh dalam

selimut' bagi mengelak kegiatan kartel daging import bertapak semula.

Agensi terbabit seperti yang dilaporkan ialah DVS, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Menurut DVS, pemeriksaan rumah sembelih di luar negara dijalankan berasaskan kod amalan standard mengikut piawaian antarabangsa, meliputi piawaian kawalan penyakit haiwan dan zoonotik serta pengoperasian rumah sembelih.

"Kelulusan import daging hanya dibenarkan dari sumber negara dan rumah sembelih yang diluluskan dan menepati syarat ditetapkan," kata DVS.-Bernama



Laporan Sinar
Harian pada
2 Disember 2020.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16.04.2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	2

Penternak, kreativiti dan kawal harga

KENAIKAN harga dedak ibarat surat berantai. Kesannya bukan sahaja dirasai warga penternak, malah peruncit dan pengguna turut terpalit dengan isu yang tidak pernah sunyi saban tahun.

Paling teruk kena tempias adalah pengguna. Harga daging, ayam proses, ikan dan sayur yang semuanya mengambil kira kos makanan ternakan, baja, bahan api serta pengangkutan akhirnya kesemua beban hinggap di bahu rantaian paling bawah - masyarakat pengguna.

Alasan penternak dedak mahal, harga minyak naik walaupun sesetengah sektor mendapat subsidi. Barangkali lembu, kambing dan ayam tidak boleh hidup kalau tidak makan dedak.

Wahai penternak! Biarlah lebih kreatif dalam mendepani kenaikan harga makanan ternakan. Malaysia sebuah negara iklim khatulistiwa yang sangat sesuai dengan pelbagai jenis tanaman.

Kelapa sawit, jerami padi, kulit kerang, pokok ketum ayam, larva lalat askar hitam (BSF) bokashi, azola, napier, jagung, rumput terpilih, hampas kelapa, hampas soya, lebihan dapur, temukut, sayuran, kepala ikan, palm kernel expeller (PKE) dan makanan terbuang (roti, mee) yang kesemuanya boleh dijadikan alternatif dan mengurangkan kebergantungan kepada dedak.

Meskipun setiap makanan alternatif ini tidak mempunyai kandungan nutrisi yang lengkap dan seimbang, namun sekurang-kurangnya ia membantu penternak menjimatkan kos membeli makanan utama seperti dedak untuk mendapatkan hasil yang diingini dan berkualiti.

Selain itu, penternak juga patut memikirkan untuk menjayakan kolaborasi ladang integrasi. Selain pelepah dan daun kelapa sawit menjadi asas nutrisi ternakan, haiwan ternakan juga boleh menjadi ejen mengawal rumput-rumpai sekali gus menghentikan penggunaan racun.

Situasi menang-menang ini tidak merugikan dua pihak, sebaliknya menguntungkan kerana asasnya ialah untuk meminimumkan kos operasi dan mengoptimumkan keuntungan.

Sekiranya rantaian makanan ini dapat dijayakan sepenuhnya, sekurang-kurangnya ia adalah permulaan baik untuk menyekat permainan pihak yang cuba memanipulasi harga makanan ternakan. Pokok pangkalnya warga penternak perlu memanfaatkan persekitaran dan kawasan yang ada dengan tanaman yang tidak memerlukan kos tinggi untuk menyelenggaranya.

Dari satu sudut, bijak pandai dalam bidang veterinar dan pertanian universiti-universiti awam seharusnya memainkan peranan lebih giat dalam menjalankan penyelidikan terhadap isi bumi Malaysia yang sarat dengan pelbagai sumber untuk dijadikan alternatif kepada makanan ternakan.

Kerjasama secara holistik dan melibatkan semua pihak yang berkaitan amat penting dalam memastikan sumber makanan untuk penduduk di negara ini terjamin dengan harga yang berpatutan. Biar semua dapat merasainya dan tidak terhad kepada golongan kayangan semata-mata.

Paling penting pada akhirnya, harga barang makanan dapat dikawal dan tidak membebaskan pengguna. Sebaliknya, semua pihak yang terlibat dalam rantaian makanan ini dilayan seadil-adilnya dan tidak menguntungkan satu pihak sahaja. Kalau hendak, biarlah seribu daya!

Meor Harman Meor Shakri ialah Pengarang Berita *Utusan Malaysia*.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16.04.2021	HARIAN METRO	LOKAL	23



HAZWANA menyusun ayam yang dijual di Pasar Bukit Besar, Kuala Terengganu, semalam.

lokal

Kena marah naik harga ayam

Kuala Terengganu: "Pelanggan marah saya kerana harga ayam terlalu mahal akhirnya jualan ayam tidak madan," kata Haziwana Mohd salah seorang peniaga ayam di Pasar Bukit Besar ketika ditemui di sini, semalam.

Haziwana, 41, dari Kampung Wakat Mempelam berkata, dia serba salah untuk meletakkan harga bagi ayam yang dijualnya itu. "Mengikut harga pasaran sekarang ayam dijual pada harga RM9.50 hingga RM10 sekilogram meningkat berbanding sebelum Ramadan iaitu RM7.80 sekilogram. "Penaig sendiri buntu

memikirkan punca harga ayam meningkat mendadak walaupun baharu tiga hari Ramadan. "Biasanya awal Ramadan harga ayam stabil dan tidak tinggi, tetapi sekarang berlainan dan peniaga juga terkesan dengan kenaikan harga itu," katanya.

Tambahnya, semua peniaga ayam menunggu kerana jualan ayam sering tidak habis pada setiap hari. "Dengan harga yang tinggi itu, peniaga hanya mampu menjual 20 hingga 30 ekor ayam sahaja sehari berbanding sebelum ini 50 ekor ke atas. "Saya nak jual rendah da-ri pada harga pasaran juga

tak boleh kerana ia akan merugikan perniagaan. "Untung pun bukan banyak untuk sekilogram ayam yang dijual, malah kos lain seperti air batu juga perlu ditanggung peniaga," katanya.

Menurutnya, dia tiada pilihan selain meneruskan perniagaan dengan mengesalkan harga yang ditetapkan pasaran. "Saya harap kerajaan bantu dalam memastikan harga ayam di pasaran berada pada kadar yang berpatutan. "Bukan sahaja untuk membantu pengguna tetapi turut membantu peniaga supaya jumlah jualan dapat dipertingkatkan sepanjang Ramadan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16.04.2021	HARIAN METRO	LOKAL	23



PENIAGA menyusun ayam di Pasar Chow Kit, Kuala Lumpur pada tinjauan harga ayam di pasar basah sekitar Lembah Klang berhubung kenaikan mengejut harga ayam.

HARGA AYAM MAHAL

Pengguna tinjau sebelum beli

Oleh Amir Abd Hamid
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

"Saya ronda beberapa gerai jual ayam dan tinjau harga kemudian baru buat pembelian sebab harga berbeza," kata Nik Murhaliza Zainon, 39.

Dia yang ditemui di Pasar Chow Kit di sini, berkata, harga ayam walaupun ada kenaikan, tetapi masih

mampu beli.

Namun, menurutnya, tidak berbaloi membuat pembelian jika harga ayam naik sehingga RM10 sekilogram.

"Okey lagi harga, cuma kita kena tinjau dululah sebab ada perbezaan harga antara gerai menjual ayam di sini.

"Bagi saya, walaupun harga ditawarkan antara RM8.50 dan RM9, tetapi ayam dijual lebih berkualiti berbanding ayam dijual di pasar raya sekitar RM6.50 hingga RM7 sekilogram," katanya.

Nik Murhaliza yang bekerja sebagai jurujual berkata, ayam adalah menu utama keluarganya, tambahan pula digemari tiga anaknya.

Dia berharap kerajaan mengawal harga ayam di pasaran supaya tidak melonjak seterusnya membebaskan pengguna tegar ayam seperti keluarganya.

Peniaga ayam yang dikenali sebagai Rahim, 57, menjelaskan dia terpaksa menaikkan harga sebab pembekal menaikkan harga ayam.

"Saya jual RM8.50 sekilogram untuk ayam daging selepas menerima harga pembekal RM7.50.

"Itupun buat masa ini kerajaan belum menetapkan harga siling, bagi saya jika contohnya ditetapkan RM8, baiklah tak payah berniaga sebab tak pulang modal kos dikeluarkan," katanya.

Peniaga ayam, Akmal Ilyas, 25, berkata, peniaga hanya boleh menurunkan harga ayam jika pembekal membuat tindakan sama.

Katanya, pihak peniaga tidak akan menaikkan harga sesuka hati jika bekalan yang diterima tiada peningkatan harga.

Harga bagi sekilogram ayam sebelum Ramadan adalah RM8.

Sementara itu, Ketua Pegawai Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kuala Lumpur Zubir Hamsa ketika ditanya menjelaskan ulasan kenaikan harga ayam itu su-

dah dibuat menteri, kelmarin.

Menteri KPDNHEP, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi kelmarin dilaporkan mengakui berlakunya peningkatan kenaikan harga ayam di pasaran.

Bagaimanapun, katanya, kenaikan itu bukanlah seperti dilaporkan orang ramai yang mengatakan harga naik mendadak.

"Ada naik sedikit tapi masih dalam paras (kawalan)," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16.04.2021	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI	27

Ditahan bersama 395 kotak daging sejuk beku

PERAI - Modus operan di empat lelaki dari selatan tanah air yang mencari premis menjual daging sejuk beku melalui Facebook dan Google untuk dipecah masuk gagal apabila mereka ditahan pada jam 2.40 petang Rabu.

Kesemua mereka ditahan bersama 395 kotak daging sejuk beku antaranya kambing dan kerbau di sebuah parkir kenderaan sebuah stesen minyak Lebuhraya Plus arah selatan Johor dekat Senai, Johor.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Tengah, Asisten Komisioner Shafee Abd Samad berkata, kesemua lelaki berusia lingkungan 27 hingga 37 tahun itu ditahan selepas polis menerima laporan daripada seorang pemilik premis menjual daging sejuk beku berikutan premisnya dipecah masuk.

Menurutnya, kejadian berlaku jam 9.30 pagi pada 4 April lalu ketika pemilik premis mendapati pintu utama tempat menyimpan daging sejuk beku terbuka dan di dalamnya kosong.



Polis sedang memeriksa lori yang digunakan suspek untuk mencuri daging sejuk beku di Perai.

Shafee berkata, susulan itu, polis telah menjalankan siasatan dan berjaya menahan keempat-empat suspek dari Johor itu.

“Suspek mengaku terlibat dalam kes pecah sebuah kedai menjual daging sejuk beku di Taman Inderawasih di sini. Ketua kumpulan itu juga mengaku bahawa mereka menasarkkan kedai menjual daging sejuk beku di sebelah utara melalui Facebook dan Google.

“Tujuan mereka mencuri di kawasan utara untuk mengelak dikesan polis kerana mereka sudah kerap ditahan di kawasan selatan tanah air. Ketua kumpulan yang berusia 32 tahun itu mengajak tiga rakannya

melakukan jenayah itu kerana mereka tidak bekerja,” katanya ketika dihubungi pada Khamis.

Beliau berkata, lelaki tersebut telah membayar RM5,000 kepada dua rakannya manakala seorang lagi dibayar RM8,000 sebagai upah.

“Kumpulan itu jual kesemua daging sejuk beku itu kepada seorang lelaki di Johor Bahru pada harga RM35,000. Bagaimanapun, suspek tidak mengetahui lokasi kediaman dan kedai lelaki berkenaan.

“Selain daging sejuk beku, kita turut merampas sebuah lori jenis Mitsubishi, lima telefon bimbit, sebuah alat pemotong besi dan dua trolis,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16.04.2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	30

'Memang beri kesan, tapi harga masih kekal'

Oleh NUR NAZLINA NADZARI
utusannews@mediamulla.com.my

KANGAR: Kenaikan harga ayam segar di pasaran sehingga mencecah RM8.50 sekilogram memberi kesan kepada para peniaga ayam bakar di bazar Ramadan sekitar negeri ini.

Bagaimanapun, bagi menjaga para pelanggan, rata-rata peniaga mengambil ketetapan tidak menaikkan harga makanan tersebut yang kekal seperti tahun-tahun sebelumnya.

Seorang peniaga ayam bakar madu, Azatul Nordin, 50, berkata, dia masih mengekalkan harga jualan ayam bakarnya iaitu RM20 bagi seekor; RM10 sebelah dan RM5 untuk suku walaupun terdapat kenaikan

harga ayam segar di pasaran ketika ini.

Katanya, pada masa ini harga ayam segar naik kira-kira 30 sen sepanjang beberapa hari Ramadan ini.

"Oleh kerana kami mengambil banyak bekalan ayam dari peniaga ayam segar di pasar, maka saya mendapat harga borong iaitu RM7.80 sekilogram. Harga memang ada naik sedikit dalam 20 sen hingga 30 sen berbanding harga borong sebelum ini.

"Namun begitu, saya memilih untuk mengekalkan harga yang sama seperti yang kami jual sebelum ini kerana kami pun mahu menjaga pelanggan supaya mereka masih mahu datang beli ayam bakar madu.

"Saiz ayam yang kami gunakan juga adalah lebih kurang sama sahaja," katanya ketika ditemui di Bazar Ramadan Kangar di Persiaran Wawasan, di sini semalam.

Harga barang basah khususnya ayam segar, sotong dan sawi sejak awal bulan lalu sehingga memasuki Ramadan didapati mengalami kenaikan mendadak di negeri ini.

Tinjauan di Pasar Besar Arau di sini kelmarin mendapati harga ayam segar dijual pada harga RM8.20 sekilogram berbanding RM7.90 pada bulan lalu, manakala sotong bersaiz sederhana pula meningkat RM5 sekilogram daripada RM20 minggu lalu kepada RM25 ketika ini.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16.04.2021	THE STAR	NATION	13

Thieves travel from Johor to Penang to loot frozen meat

BUTTERWORTH: To avoid arrest in the south, a gang of meat thieves travelled more than 600km from Johor to Taman Inderawasih here to loot frozen meat.

Police are investigating how they managed to travel despite the ban on interstate movement.

Central Seberang Prai OCPD Asst Comm Shafee Abd Samad said the four men, aged between 27 and 37, were arrested for allegedly breaking into a frozen meat store here and stealing the goods.

During investigation, the men admitted to the police they chose to commit crime up north to avoid being arrested in the south, where one of them has a criminal record for stealing frozen meat.

"We received a report on April 4 about a frozen food store being broken into. The complainant said when he arrived at the store at 6.30am that day, he found the main door of the meat freezer room open and the inside empty," he said in a statement yesterday.

The four suspects were arrested on Wednesday at a parking area near a petrol station on the North-South Expressway near Senai, Johor, at 2.20pm.

"All of them admitted to being involved in the meat freezer break-in," he added.

The case is being investigated under Section 457 of the Penal Code.